

Hanya Pembangkang Yang Rugi Dalam Penyenaraian FGVH - Ahmad Maslan Bernama
18 Mac, 2012

KUANTAN, 18 Mac (Bernama) -- Penyenaraian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Saham kelak hanya akan merugikan pihak pembangkang, bukan warga Felda, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan.

Ahmad berkata pembangkang mengetahui undi di kalangan warga Felda akan merosot sebaik sahaja FGVH disenaraikan berikutan pelbagai hasil dan keuntungan yang akan dinikmati warga Felda hasil penyenaraian itu.

"Itu sebab mereka (pembangkang) memomokkan warga Felda dengan pelbagai tohmahan mengenai penyenaraian FGVH sebab mereka mahu rakyat menolak kerajaan pada pilihan raya umum akan datang.

"Isu ini (FGVH) hanya dipolitikkan pembangkang, semata-mata untuk memecahkan undi warga Felda, sebab mereka tahu Felda merupakan kubu kuat Barisan Nasional (BN)," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Majlis Ramah Mesra dan Taklimat Isu Semasa bersama warga Felda Panching Selatan, di sini hari ini.

Turut hadir, Anggota Parlimen Paya Besar Datuk Abdul Manan Ismail dan Anggota Dewan Undangan Negeri Lepar Mohd Shuhaimi Jusoh.

Ahmad yang juga Ketua Penerangan BN berkata daripada 222 kerusi di Parlimen, 25 peratus undi adalah daripada kalangan warga Felda, justeru, pembangkang perlukan jumlah undi itu untuk memerintah.

Sehubungan itu katanya, pembangkang terdesak menggunakan isu FGVH untuk meraih undi warga Felda.

Bagi menyangkal segala tohmahan pembangkang mengenai isu itu, kerajaan katanya akan terus mengadakan 'roadshow' ke semua tanah rancangan Felda di negara ini bagi menerangkan kepada warga Felda mengenai keuntungan dan faedah yang akan diterima mereka termasuk jumlah durian runtuh yang bakal diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bulan depan.

"Jumlahnya tidak kurang dari BR1M, mungkin juga ribu-ribu, tapi tidaklah sampai puluhan ribu, yang penting warga Felda tidak akan rugi satu sen pun dari penyenaraian itu, malah macam-macam faedah dan keuntungan yang akan dinikmati kelak," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653035>